

Masalah peringkat awal punca kelewatan bayaran balik GST

UTUSAN 22/11

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Masalah kelewatan bayaran balik cukai barang dan perkhidmatan (GST) oleh Jabatan Kastam kepada peniaga adalah disebabkan masalah di peringkat awal pelaksanaan yang sedang cuba ditangani dari semasa ke semasa.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, sebagai negara yang baharu menjalankan sistem GST selama setahun, masalah pelaksanaan dan kefahaman adalah risiko yang harus ditangani dengan efisien.

“Masalah di peringkat awal ini akan datang dengan pelbagai bentuk dan pihak, contohnya dari segi pematuhan, mengisi borang, cara membuat pengisytiharan dan sebagainya.

“Mungkin sebab inilah tuntutan pulangan bayaran balik itu lambat sedikit tetapi pihak Jabatan Kastam telah mengambil langkah-langkah efisien untuk memastikan masalah seperti itu dikurangkan dari semasa ke semasa,” katanya selepas melancarkan Program Pembangunan Usahawan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (PPUDPMM) di sini hari ini.

Beliau mengulas Laporan Ketua Audit hari ini yang menyebut bahawa dalam RM550 juta tuntutan bayaran balik GST yang sepatutnya dibayar dalam tempoh 14 hari, ada kes-kes yang telah tertangguh selama 72 hari.

Tambah Othman, kes yang disebutkan dalam Laporan Ketua Audit itu mungkin adalah daripada kejadian tahun lalu yang baru diaudit dan dikeluarkan tetapi kini kes-kes seperti itu sudah berkurangan.

“Jangan risau, kita akan membayar segala tuntutan, mungkin yang berlaku kelewatan adalah kerana masalah pelaksanaan di peringkat awal dahulu dan Jabatan Kastam sentiasa melakukan penambahbaikan agar semua tuntutan dapat diselesaikan pada waktu yang ditetapkan.

“Cuma dalam masa yang sama, kita mahu peniaga menyediakan diri dari segi pemahaman, panduan mengisi borang, pengisytiharan, pematuhan dan sebagainya kerana inilah yang menjadi punca-punca kelewatan untuk tuntutan itu dibayar balik,” katanya.

Bercakap mengenai PPUDPMM, Othman berkata, program tersebut adalah salah satu cara bagi memajukan dan meningkatkan keterlibatan usahawan bumiputera di peringkat yang lebih tinggi.

“Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) di bawah Jabatan Perdana Menteri buat pertama kalinya akan berkerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), DPMM untuk membantu usahawan-usahawan yang sedang ingin memajukan diri melalui latihan pemerkasaan, pembangunan produk, sokongan pemasaran dan sebagainya.